



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 27 FEBRUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KIANDEE, ZULKIFLI RECEIVE COVID-19 JAB, HOME, BORNEO POST (KK) -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SUSAHNYA NELAYAN NAK DAPAT LESEN, DALAM NEGERI, UM -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	'AIR MATA TUNTUNG SUNGAI', LAPORAN KHAS, SH -10	
4.	GESA PENGUATKUASAAN TEGAS, LAPORAN KHAS, SH -11	
5.	JABATAN PERIKANAN TERENGGANU SIASAT AKTIVITI MENUBA UDANG GALAH, LAPORAN KHAS, SH -11	
6.	VIRUS ASF: PINTU SEMPADAN DIPERKETAT, SARAWAK VOICE -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7.	14 PENIAGA DURIAN KENA DENDA RM2,600, NASIONAL, BH -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	TAMAN PERTANIAN NEGERI SEKAYU DICEROBOH KAWANAN GAJAH LIAR, NEGARA, KOSMO -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Kiandee, Zulkifli receive Covid-19 jab		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	27 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	147 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 820
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,460



## Kiandee, Zulkifli receive Covid-19 jab

**PUTRAJAYA:** Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri as well as Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yesterday received their Covid-19 vaccination at the Putrajaya Health Office in Precinct 11 here.

They arrived at the Vaccine Administration Centre (VAC) at about 3 pm and the entire vaccination process took about 40 minutes.

When met outside the health office, Zulkifli, who is a Covid-19 survivor, said the vaccination process was carried out in an orderly and careful manner according to the standard operating procedures (SOP) set.

Alhamdulillah, the shot doesn't hurt and I'm confident that if everyone supports this programme (National Covid-19 Immunisation Programme) we will win against Covid-19.



Kiandee receiving the Covid-19 vaccine at the Putrajaya Health Office in Precinct 11, yesterday.

The theme 'Protect Yourself, Protect All' is very accurate, he said.

Zulkifli recovered from Covid-19 on Oct 14, last year after

testing positive 10 days earlier.

Meanwhile, Kiandee called on Malaysians to sign up for the National Covid-19 Immunisation Programme.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

# Susahnya nelayan nak dapat lesen

Oleh **AMRAN MULUP**  
 utusannews@mediamulla.com.my

**MELAKA:** "Saya sedia ditahan dan dihadapkan ke mahkamah".

Itu luahan hari seorang nelayan dari Pantai Puteri dekat sini yang menangkap ikan tanpa lesen daripada Jabatan Perikanan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, dia yang hanya mahu dikenali sebagai Mat Laham berkata, rata-rata nelayan yang senasib dengannya tidak memedulikan langsung amaran daripada Jabatan Perikanan, sebaliknya tetap turun ke laut walaupun tidak mempunyai lesen.

"Tiga kali permohonan saya untuk mendapatkan lesen ditolak oleh Jabatan Perikanan

atas alasan kuota sudah penuh di Pantai Puteri. Saya terpaksa ingkar arahan itu kerana hendak mencari rezeki untuk kelangsungan hidup.

"Saya perlu sara tiga anak dan isteri yang tidak bekerja. Apa lagi yang saya mampu lakukan melainkan menjadi nelayan? Tidak kisahlah Jabatan Perikanan tidak luluskan lesen saya walau tiga kali dipohon," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Mat Laham turut menegaskan, alasan yang diberikan bahawa kuota sudah mencukupi adalah tidak logik.

Ini kerana, jelasnya, ada segelintir nelayan yang memiliki lesen tidak turun ke laut lebih daripada tiga bulan dan ada juga menye-

wakannya kepada orang lain.

Ia dilakukan semata-mata demi Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 dan peruntukan subsidi minyak petrol.

"Sepatutnya, Jabatan Perikanan wajar mengambil tindakan ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab dengan menarik balik lesen mereka. Kekosongan itu wajar diberikan kepada mereka yang benar-benar bekerja sepenuh masa sebagai nelayan seperti saya.

"Bukan saya sahaja permohonan lesen ditolak, malah, ramai lagi nelayan mengalami nasib yang sama. Begitu juga nelayan dari Kampung Balik Bukit dekat sini yang rata-ratanya bergantung punca rezeki di laut," ujarnya.

**SEBAHAGIAN** sampan yang tidak bernombor dimiliki nelayan yang tidak mempunyai lesen di Pantai Puteri, Melaka.  
 - UTUSAN/AMRAN MULUP



27/2/2021

SINAR  
HARIANLAPORAN  
KHAS

10

Tuba udang galah ancam ekosistem, nyawa tuntung sungai

## KEMAMAN

**A**ktiviti menuba udang galah di Sungai Kemaman, Terengganu sejak sekian lama bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap ikan dan udang di dalam sungai tetapi ia mula mengganggu fisiologi tuntung sungai.

Memburukkan keadaan, aktiviti itu semakin rancak selepas musim tengkujuh iaitu antara bulan Februari dan Mac, yang juga musim persarangan tuntung di sungai berkenaan.

Kesannya mula dilihat apabila jumlah kutipan telur tuntung sungai yang dilakukan Pusat Penetasan Tuntung di Kampung Pasir Gajah, Kemaman menurun sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2011.

Pengurus Projek Turtle Conservation Society of Malaysia (TCS), Dylan Wang berkata, kerja-kerja pemuliharaan tuntung itu adalah hasil usaha sama persatuan itu bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) dan penduduk kampung.

Bagaimanapun, penggunaan tuba yang merupakan racun semula jadi yang digunakan bagi menangkap ikan dan udang air tawar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, kini mula mengancam populasi tuntung.

"Apa yang mengecewakan kami, aktiviti ini memuncak setiap awal tahun yang juga musim tuntung sungai bersarang. Bukan sahaja kesan daripada racun tuba, tuntung juga sensitif pada cahaya.

"Jadi, lampu malahan api rokok juga boleh menghalangnya daripada mendekati pesisir sungai untuk ber-



Tuntung sungai yang dipelihara di Pusat Penetasan Tuntung di Kampung Pasir Gajah, Kemaman, Terengganu.



Tuntung sungai yang cedera berjaya diselamatkan penduduk kampung.

telur. Jika tidak ditangani segera, kita bimbang ia akan menjejaskan populasi tuntung yang semakin pupus," katanya.

## Udang galah mahal

Menurut Dylan, harga udang galah yang mahal menyebabkan ada sesetengah pihak mencari jalan singkat tanpa memikirkan kesan pada hidupan di Sungai Kemaman.

Beliau berkata, harga pasaran udang galah yang boleh mencecah RM70 sekilogram menyebabkan ak-

## 'Air mata tuntung sungai'

tiviti itu diteruskan terutamanya pada waktu malam.

"Dalam kejadian beberapa hari lepas, pihak kami dan penduduk melihat banyak udang beralih ke tepi sungai dan gigi air. Kami teramat sedih dengan situasi ini kerana kita tahu sungai telah diracun.

"Racun yang digunakan itu biasanya menyebabkan udang galah mengalami pedih mata. Kadangkala kita boleh lihat udang melompat kerana tidak tahan dan pergi ke gigi atau tepi sungai.

"Penggunaan racun itu juga mengganggu habitat tuntung yang banyak di Sungai Kemaman.

"Kami dan penduduk kampung kutip udang itu, malah ada yang berjaya dapat sehingga lima kilogram.

"Bayangkan, bagaimana kesannya jika ia berterusan. Bukan sahaja udang, malah ikan dan tuntung sungai yang hampir pupus itu terkesan," katanya.

Jelas Dylan, setiap tahun pihaknya terpaksa melaporkan kejadian tuba udang kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dan pihaknya juga mengambil beberapa botol sampel air sungai dan menyimpan udang tersebut sebagai bukti.

## Kutipan telur tuntung menurun

Sejak kerja-kerja pemuliharaan tuntung dijalankan oleh Pusat Penetasan Tuntung di Kampung Pasir Gajah di sini, sebanyak 6,000 anak tuntung berjaya dieramkan dan dilepaskan ke Sungai Kemaman.

Bagaimanapun, ia dibimbangi akan terganggu susulan kutipan telur

tuntung menurun saban tahun.

Pada peringkat permulaan kerja-kerja konservasi dilakukan, pihaknya dan penduduk kampung berjaya mengutip lebih 1,000 telur tuntung bagi setiap kawasan yang dikhaskan.

"Sekarang ini kita ada lima, enam kawasan tapi nak dapatkan 500 biji sangat sukar. Untuk tahun ini sahaja, kita hanya dapat 400 lebih, tidak sampai 500 biji.

"Keadaan itu amat membimbangkan kerana jika berterusan, kita bimbang tuntung sudah tidak mahu bertelur di kawasan ini," katanya.

Jelas Dylan, bagi memastikan survival tuntung sungai, dia dan penduduk Kampung Pasir Gajah khususnya, akan melakukan kerja-kerja mengutip telur tuntung untuk dieram dan ditetas, sebelum dilepaskan kembali ke sungai.

Selain itu, pihaknya juga akan menimbang berat dan mengukur saiz tuntung yang mendarat, selain melabel dan memasang mikrochip.

"Telur tuntung ambil masa tiga bulan untuk menetas. Biasanya, setiap tahun kita akan adakan acara pelepasan anak tuntung ke sungai secara besar-besaran, bagi meraikan kejayaan kita menetas spesies terancam ini," katanya.

Difahamkan, taburan tuntung sungai hanya direkodkan di Kedah, Perak dan Terengganu, dengan sebahagiannya di Sungai Kemaman (Pusat Penetasan Tuntung, Kampung Pasir Gajah) dan tapak pemuliharaan di Pusat Konservasi Tuntung di Kuala Berang, Hulu Terengganu.



Kerja-kerja mencari telur tuntung sungai bagi tujuan pemuliharaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2021	SINAR HARIAN	LAPORAN KHAS	11

## Gesa penguatkuasaan tegas

**BAGI** membendung masalah tuba itu, Dylan berkata, pihaknya mencadangkan agar satu sesi dialog diadakan antara pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Perhilitan dan penduduk setempat untuk bersamasama mencari kata sepakat.

Ia bagi memastikan bekalan udang dan ikan di sungai itu adalah selamat untuk dimakan, serta tidak mengganggu proses persarangan tunting di dalam sungai.

"Saya juga mengharapkan pihak berkuasa terutamanya daripada Jabatan Perikanan agar meningkatkan rondaan di sepanjang Sungai Kemaman agar kita dapat kawal dan membendung aktiviti tidak bertanggungjawab ini.

"Selain itu, kita juga ambil pendekatan bekerjasama dengan penduduk kampung untuk melaporkan sebarang kejadian tuba dan individu yang mencurigakan di kawasan ini," kata beliau.

Bagi memastikan populasi tunting meningkat di Sungai Kemaman, TCS mengambil pendekatan melatih penduduk tempatan khususnya di Kampung Pasir Gajah cara-cara penjagaan dan pemuliharaan tunting.



Udang galah yang dijumpai di tepi sungai, dipercayai kesen tuba.

Katanya, ia merupakan projek komuniti yang mana penduduk kampung dilatih membuat kerja-kerja lapangan termasuk mengutip telur tunting dan terlibat sama dengan kerja-kerja melabel.

"Kita ajak orang kampung untuk terlibat sama dan menjaga 'harta' mereka ini. Jadi, mereka akan sayang dan tidak akan sewenang-wenangnya membiarkan orang luar datang mengambil dan merosakkan 'harta' mereka," katanya.



Kerja kerja mengutip telur tunting bagi tujuan pemeliharaan di Sungai Kemaman, Terengganu.



Pegawai penguatkuasa Jabatan Perikanan Negeri Terengganu turun padang meninjau aduan kejadian tuba di Sungai Kemaman, Terengganu.



Telur tunting.



### INFO TUNTING:

- Nama saintifiknya Batagur affinis.
- Tergolong dalam kumpulan reptilia seperti penyu, labi-labi dan kura-kura.
- Tunting betina lebih besar berbanding jantan. Tunting betina boleh membesar sehingga 50 sentimeter berbanding tunting jantan yang boleh membesar lebih kurang 40 sentimeter mengikut karapasnya.
- Makanan utamanya tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan yang terdapat di tepi sungai dan ikan kecil.
- Anak tunting berwarna kelabu dan yang dewasa berwarna coklat kekelabuan.
- Telurnya berbentuk bujur dan menghasilkan empat hingga 20 biji telur pada setiap kali bertelur.
- Tunting di Malaysia merupakan haiwan eksotik perlindungan penuh di bawah Akta Hidupan Liar 2010 yang melarang mana-mana orang daripada menangkap, memakan, menjual tunting dan telurnya.

Sumber: <https://ms.wikipedia.org/wiki/Tunting>

## Jabatan Perikanan Terengganu siasat aktiviti menuba udang galah

**KUALA TERENGGANU** - Jabatan Perikanan Terengganu menyiasat dakwaan berlaku kegiatan menuba udang galah di Sungai Kemaman, sebagai mana tular di media sosial Facebook.

Pengarahnya, Zawawi Ali berkata, seramai lima pegawai penguatkuasa dari Jabatan Perikanan Terengganu telah turun melawat lokasi kejadian di Sungai Kemaman.

Beliau berkata, setakat ini tiada saksi atau suspek yang dikesan berhubung kejadian itu malah tiada sebarang penangkapan dilakukan.

"Walaupun tiada saksi atau suspek

dikesan, pihak penguatkuasa telah mengambil maklum kes terbabit dan akan memantau lokasi sekitar Sungai Kemaman dengan lebih ketat.

"Kita juga akan melakukan pemantauan bagi memastikan kejadian sama tidak berulang," katanya.

Zawawi berkata lagi, kejadian menuba udang di Sungai Kemaman pertama kali dilaporkan kepada pihak jabatan.

"Aduan mengenai kegiatan menuba udang ini pertama kali diterima kerana belum ada kes begini dilaporkan sebelum ini," katanya.



ZAWAWI

### APA ITU TUBA?

- Tuba merupakan sejenis racun kimia terlarang yang digunakan bagi menangkap ikan dan udang air tawar.
- Racun tuba berasal dari pokok tuba, di mana akarnya mengandungi bahan kimia kuat yang meracuni ikan dan udang air tawar serta benih-benihnya.
- Penggunaan racun tuba bukan sekadar mencemarkan sungai, malah ia turut memberi kesan kepada hidupan air tawar lain serta masyarakat yang bergantung kepada hasil tangkapan dari sungai.
- Penggunaan racun atau bahan pencemar serta bahan letupan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan Peraturan Peraturan Perikanan.

Sumber: Turtle Conservation Society of Malaysia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2021	SARAWAK VOICE	ONLINE	

### Virus ASF: Pintu sempadan diperketatkan



**LAWAS:** Susulan penemuan virus wabak Demam Babi Afrika (ASF) di Pitas, Sabah baru-baru ini, kemasukan binatang ternakan khususnya babi sama ada hidup mahupun sembelihan berbentuk daging akan ditegah masuk ke Sarawak, berkuatkuasa serta merta sehingga arahan dikeluarkan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertanian dan Veterinar Negeri telah mengarahkan untuk memperketatkan pemeriksaan di pintu sempadan Merapok Sarawak dan Sindumin Sabah termasuk semua pintu masuk di seluruh Sarawak.

Pemeriksaan menyeluruh akan dilakukan termasuk Biosecurity, merangkumi sanitasi kepada kenderaan dan barangan yang dibenarkan masuk oleh pihak Jabatan Veterinar Sarawak disamping mengedarkan risalah-risalah berkaitan virus penyakit ASF sebagai peringatan berjaga-jaga.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

# 14 peniaga durian kena denda RM2,600

Ops Duri 2.0 diperkasa bagi melindungi pengguna, tingkatkan etika penjual

Oleh Siti Haliza Yusop  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seramai 14 peniaga durian dikenakan kompaun RM2,600 menerusi 311 pemeriksaan Ops Duri 2.0 yang dijalankan selama tiga hari bermula 22 Februari lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata sembilan tindakan kompaun dilakukan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) dan baki mengikut Akta Timbang Sukat 1972 (ATS 1972).

Beliau berkata, Ops Duri 2.0 diperkasakan bagi melindungi pengguna dan meningkatkan etika peniaga durian melalui pemeriksaan bagi memastikan pematuan aspek tanda harga, alat timbang dan sukat yang digunakan

untuk perdagangan.

Katanya, pemeriksaan juga dilakukan bagi melihat pematuan terhadap prosedur operasi standard (SOP) perdagangan pengedaran dan SOP am Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Ops Duri 2.0 akan dikuatkuasakan sehingga 22 Mac ini oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri dan cawangan.

"Peniaga durian di bawah pelaksanaan Ops Duri 2.0 tertakluk di bawah AKHAP 2011 dan ATS 1972 dan sekiranya didapati melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Bagi kesalahan mengikut Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2020, amaun denda yang boleh dikenakan bagi per-



Rosol bersama Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohamad Mustapha Awang ketika pemeriksaan di gerai jualan durian di Petaling Jaya, semalam.

seorangan ialah RM50,000, manakala bagi syarikat atau perbadanan sejumlah RM 100,000.

"Untuk kesalahan menggunakan atau memiliki timbang, sukat atau alat timbang yang tidak ditentusahkan, amaun denda bagi perseorangan atau syarikat ialah RM40,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, Rosol melakukan lawatan pemeriksaan bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi meninjau aktiviti urus niaga durian di sekitar Petaling Jaya, Selangor. Lawatan berkenaan dilakukan

**Ops Duri 2.0 akan dikuatkuasakan sehingga 22 Mac ini oleh KPDNHEP negeri dan cawangan.**

**Rosol Wahid, Timbalan Menteri KPDNHEP**

bagi memeriksa pematuan peniaga durian, termasuk sama ada tanda harga diletakkan dengan jelas, mempamerkan jenis durian serta menggunakan alat timbang

yang sesuai.

Rosol berkata, sebanyak 1,252 pemeriksaan dilakukan pada Ops Duri 1.0 antara 1 hingga 31 Julai tahun lalu membabitkan 38 kompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM13,900.

"KPDNHEP mengalu-alukan kerjasama diberikan peniaga untuk terus menjalankan aktiviti perniagaan secara jujur, beretika dan tidak mengambil kesempatan dengan melakukan manipulasi harga mahupun timbangan," katanya.

"Peniaga disarankan menggunakan alat timbangan yang bersesuaian dalam urus niaga penjualan durian," katanya.

# Taman Pertanian Negeri Sekayu diceroboh kawanan gajah liar

**HULU TERENGGANU** – Misteri kerosakan beratus-ratus pokok di kawasan Taman Pertanian Negeri Sekayu (TPNS) di sini sejak minggu lalu terjawab apabila kejadian itu dilakukan oleh sekumpulan lima gajah liar.

Kawanan gajah itu dikatakan berasal dari Hutan Simpan Sekayu dan telah mencerobohi kawasan taman pertanian sebelum merosakkan pelbagai jenis pokok yang terdapat di TPNS.

Kakitangan TPNS, Khairul Anwari Rashid, 25, berkata, dalam kejadian terbaharu pada Selasa lalu, 10 batang pokok yang terletak hanya kira-kira 300 meter dari pejabat penguurusan taman pertanian itu telah musnah dirosakkan gajah liar berkenaan.

"Kehadiran kawanan gajah tersebut hanya disedari sewaktu kakitangan melakukan kerja-kerja pemantauan pada pukul 7.30 pagi.

"Ini kali ketiga TPNS diceroboh haiwan liar berkenaan dalam tempoh seminggu.

"Sebelum ini, sebanyak 117 pokok pelbagai spesies terutama jenis palma rosak dimusnahkan kumpulan gajah liar itu pada bulan April tahun lalu," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Khairul Anwari berkata, kawanan gajah yang dipercayai



**KHAIRUL ANWARI (kiri) dan rakannya menunjukkan antara pokok palma yang rosak selepas Taman Pertanian Negeri Sekayu di Hulu Terengganu diceroboh lima ekor gajah liar.**

sebanyak lima ekor itu turut merosakkan tanaman penduduk kampung berhampiran.

Ujarnya, masalah kehadiran gajah liar tidak sepatutnya berlaku kerana pagar elektrik telah dipasang di pinggir hutan simpan berdekatan sejak tiga

tahun lalu.

"Saya syak kemungkinan sebahagian pagar elektrik itu telah rosak atau tidak berfungsi menyebabkan haiwan liar berkenaan boleh terlepas masuk ke TPNS dan perkampungan berhampiran," katanya.